

KEBERKESANAN STRATEGI PENGAJARAN *AL-AMIN* TERHADAP  
KEFAHAMAN AKHLAK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH AGAMA  
SELATAN THAILAND

MUHAMMAD UMUDEE

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011

KEBERKESANAN STRATEGI PENGAJARAN *AL-AMIN*  
TERHADAP KEFAHAMAN AKHLAK SEKOLAH MENENGAH  
AGAMA SELATAN THAILAND

MUHAMMAD UMUDEE

TESIS DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
( KEPIMPINAN PEDAGOGI )

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
TANJONG MALIM PERAK

2011

## **PENGAKUAN**

**Saya mengakui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.**

**22 OKTOBER 2011**

**MUHAMMAD UMUDEE  
P 20072000775**

## DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotation and summaries which have been duly acknowledged.

22 Oktober 2011

MUHAMMAD UMUDEE  
P20072000775

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### “ Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang ”

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah s.w.t Tuhan sekalian alam, pertama kali saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadiran Ilahi kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya. Disertasi ini dapat disempurnakan dalam masa yang ditentukan. Seterusnya, saya ingin mengucapkan selawat ke atasan junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w selaku pendidik pertama yang mendorong saya mengikuti jejak langkah baginda dalam bidang pendidikan. Semasa menjalankan kajian ini, saya mendapat bantuan dan kerjasama yang tidak ternilai daripada pelbagai pihak. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang berkenaan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih khas diucapkan kepada penyelia kajian ini iaitu Dr. Abd. Kadir bin Arifin yang telah banyak memberikan dorongan, panduan, bimbingan, nasihat, peluang menimba pengalaman belajar dan bantuan yang tidak berbelah bahagi dalam usaha menjayakan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan turut diucapkan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan usaha kajian ini terutama kepada para pensyarah, dan staf di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Tidak lupa juga, ucapan terima kasih ini saya tujukan kepada Prof. Dato Ishak Harun, Dr. Misnan bin Jemali, Dr. Idris Mohd Radzi dan Dr. Abdul Rahim bin Razali. Dan pensyarah Universiti Islam Yala, Dr. Abdulhalim Saising dan Dr. Adnan Suemae. Kajian yang dijalankan ini melibatkan pihak sekolah menengah agama di Pattani, Yala dan Narathiwat, guru-guru, pelajar-pelajar dan rakan-rakan seperjuangan yang sudi memberi maklumat kepada saya sewaktu menjalankan kajian.

Penghargaan ini juga ditujukan khas kepada kedua ibu bapa yang dikasihi Hajah Rahmah dan Haji Ismail, isteri saya Norhasikin, putera dan puteri iaitu Aidhil, Azam, Amal dan Auni, mertua dan kakak-kakak saya Naemah, Rohana dan Nurida yang selalu berdoa ke hadirat Allah s.w.t Penghargaan ini juga dikhususkan untuk adinda saya Norzana dan Zaki yang sentiasa menjadi saya sebagai contoh dalam memburu kemajuan.

Hanya Allah s.w.t jua yang Maha mengetahui segala kebenaran dan hanya Allah jua yang dapat memberi ganjaran dan kebaikan atas jasa mereka semua.

Terima Kasih

## Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membina dan menguji penggunaan Strategi Pengajaran *al-Amin* (SPA) dalam pelajaran akhlak terhadap kefahaman akhlak pelajar tingkatan tiga sekolah menengah agama di wilayah Narathiwat dan Pattani. SPA dibina berlandaskan ayat-ayat al-Quran surah *Taha* ayat 21 hingga 34, yang menyentuh sesuatu peristiwa Nabi Musa a.s memiliki sifat amanah (*al-Amin*) yang memberi penekanan kepada strategi dan model pembelajaran dan pengajaran iaitu bahan bantu mengajar, mengenal Allah, menguasai ilmu, mengubah diri dan penyucian jiwa dan idea-idea dirujuk kepada model personaliti & kognisi Islam (Mohd.Daud Hamzah & Abd.Kadir Arifin, 2000) serta konsep al-Ghazali (1993:124) yang disesuaikan dengan model sistem instruksi oleh Dick dan Carey (2009:165). Kajian ini dijalankan secara reka bentuk Kuasi-Eksperimen (*Quasi-Experiment Design*) melalui perbandingan di antara keberkesanan SPA dengan Strategi Pengajaran Tradisional (SPT). Perubahan dalam pencapaian kefahaman akhlak pelajar antara kedua-dua kumpulan dengan mengenengahkan empat komponen utama dalam rancangan pembelajaran dan pengajaran iaitu mengenal Allah (*ma`rifatullah*), memahami ilmu (*tafakuh al-`ilm*), mengubah diri (*taghyir al-nafs*) dan penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*). Kajian ini melibatkan 200 sampel pelajar tingkatan tiga dalam kalangan lelaki dan perempuan yang dipilih secara berkelompok di empat buah sekolah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif terdapat 100 orang pelajar dalam Kumpulan Eksperimen (SPA) dan 100 orang pelajar dalam Kumpulan Kawalan (SPT). Data pencapaian keseluruhan dan komponen-komponen dianalisis dengan menggunakan pengiraan univariate dan MANOVA tiga hala (*Multivariate analysis of variancer*). Keputusan menunjukkan pencapaian secara keseluruhan SPA adalah signifikan lebih tinggi berbanding dengan SPT hasil dari keberkesanan SPA [ $F_{dk(1,187)} = 39.452$ .  $p < 0.001$ ]. Sekolah memberi keberkesanan yang signifikan [ $F_{dk(3,187)} = 60.008$ .  $p < 0.001$ ]. Jantina juga memberi keberkesanan yang signifikan [ $F_{dk(1,187)} = 35.422$ .  $p < 0.001$ ]. Terdapat instruksi yang signifikan strategi dengan sekolah [ $F_{dk(2,187)} = 5.413$ .  $p < 0.001$ ]. dan juga sekolah dengan jantina [ $F_{dk(3,187)} = 8.623$ .  $p < 0.001$ ]. Analisis pencapaian terhadap komponen-komponen kefahaman akhlak pula menunjukkan Kumpulan Eksperimen signifikan lebih tinggi berbanding dengan Kumpulan Kawalan (Wilks'  $Y_{dk(5,183)} = 0.793$ .  $p < 0.001$ ). Terdapat juga keberkesanan signifikan sekolah (Wilks'  $Y_{dk(15,505.584)} = 0.474$ .  $p < 0.001$ ) dan jantina (Wilks'  $Y_{dk(5,183)} = 0.73$ .  $p < 0.001$ ). Di samping itu terdapat keberkesanan instruksi strategi dengan sekolah (Wilks'  $Y_{dk(10,366)} = 0.920$ .  $p < 0.001$ ). Secara terperinci terhadap keberkesanan strategi menyebelahi SPA berlaku ke atas *ma`rifatullah* [ $F_{dk(1,198)} = 120.288$ .  $p < 0.001$ ], *tafakuh al-`ilm* [ $F_{dk(1,198)} = 121.670$ .  $p < 0.001$ ], *taghyir al-nafs* [ $F_{dk(1,198)} = 106.823$ .  $p < 0.001$ ] dan *tazkiyah al-nafs* [ $F_{dk(1,198)} = 122.192$ .  $p < 0.001$ ]. Jelaslah di sini bahawa SPA mempunyai keberkesanan positif terhadap kefahaman akhlak pelajar di segi akhlak *mahmudah* dan *mazmumah*. Justeru, kajian ini menampilkan bukti untuk menegaskan bahawa SPA amat sesuai diaplikasikan dalam proses pembelajaran dan pengajaran akhlak dan seterusnya dapat meningkatkan kefahaman akhlak pelajar dalam bilik darjah.

## Abstract

### The Effectiveness of *al-Amin's* Strategy of Teaching in Understanding of Akhlak in Southern Provinces Islamic Secondary Schools in Thailand

This study is conducted to construct and examine the usage of *al-Amin's* Strategy (SPA) of Akhlak Lessons in bringing up the akhlak-consciousness of form three students in Narathiwat and Pattani provinces. *Al-Amin's* Strategy (SPA) are designed based on the Quranic verses 21-34 chapter of *Taha*, which describes the stories on the values of honesty shown by Prophet Moses a.s (*al-Amin*) highlighting on the strategy model of learning and teaching aid, the concept of knowing Allah, mastering knowledge, self improvement and soul cleansing. Ideas from *al-Amin's* Strategy (SPA) are referred from personality model and cognitive (Mohd. Daud Hamzah & Abd. Kadir Arifin, 2000) and concepts from al-Ghazali (1993) assimilated into the model for Instruction System of Dick & Carrey (2009). The research is conducted through reading the Quasi-Experiment Design by comparing the effectiveness between *al-Amin's* Strategy (SPA) and Traditional teaching strategy (Strategi Pengajaran Tradisional /SPT) the deviation/changes in the achievement of akhlak understanding between the two groups are subjected to four mean components in learning and teaching, which are knowing Allah (*ma'rifatullah*), understanding knowledge (*tafakuh al-'ilm*), self improvement (*taghyir al-nafs*) and soul cleansing (*tazkiyah al-nafs*). The study involves 200 From three students samples on both gender, collectively taken from four different schools. The study uses quantitative and qualitative approaches. The quantitative approach involves 100 students as experimental group (SPA) and another 100 students are involved as controlled group (SPT). The quantitative approach involves 100 students in SPA while the latter involves another 100 in SPT. The data from the general achievement of the students and the tested components are then analyzed using three pronged MANOVA (multivariate analysis of variance) counting technique. The finding is that the general achievement of SPA is more significant than that of SPT because of the effectiveness of SPA [F dk(187) = 39.452. p<0.001]. It also shows that school variance gives a significant effectiveness of [F dk(3,187) = 60.008. p<0.001] while gender gives a significant effectiveness of [F dk(1,187) = 35.422. p<0.001]. There is a significant instruction in school variance [F dk(2,187) =5.413. p<0.001] and in the relation of school variance with gender [F dk(3,187) = 8.623. p<0.001]. An analysis of the achievement in the four components of akhlak-consciousness indicates that Experiment Group is more significant than Control Group [Wilks' Y dk(5,183) = 0.793. p<0.001]. There is also a significant effectiveness in school variance [Wilks' Y dk(15,505.584) =0.474. p<0.001] and in gender [Wilks' Y dk(5,183) = 0.73. p<0.001]. Besides, there is strategy instruction effectiveness in school variance [Wilks' Y dk (10,366) 0.920. p<0.001]. Specifically, there is strategy effectiveness in favour of SPA in *ma'rifatullah* [Fdk (1,198) = 120.288. p<0.001], *tafakuh al-'ilm* [F dk(1,198) = 121.670. p<0.001], *taghyir al-nafs* [Fdk(1,198) = 106.823. p<0.001] and *tazkiyah al-nafs* [F dk (1, 198) = 122.192. p<0.001]. It is obvious that SPA does contribute a positive effectiveness to the akhlak-consciousness of the students. Therefore, this research comes up with clear evidence that SPA is relevant to be applied in teaching and learning practice for the subject matter of akhlak or Islamic ethics in order to increase the level of the akhlak-consciousness of the students in classroom. While qualitative approach is collects data related to the effectiveness through observation and inferences technique used to study complex instructive in real sosial based group.

## Abstract

This study is conducted to construct and examine the usage of *al-Amin's* Strategy (SPA) of akhlak lessons in bringing up the akhlak-consciousness of form three students in Narathiwat and Pattani provinces. *Al-Amin's* Strategy (SPA) are designed based on the Quranic verses 21-34 chapter of *Taha*, which describes the stories on the values of honesty shown by Prophet Moses a.s (*al-Amin*) highlighting on the strategy model of learning and teaching aid, the concept of knowing Allah, mastering knowledge, self improvement and soul cleansing. Ideas from *al-Amin's* Strategy (SPA) are referred from personality model and cognitive (Mohd. Daud Hamzah & Abd. Kadir Arifin, 2000) and concepts from al-Ghazali (1993) assimilated into the model for Instruction System of Dick & Carrey (2009). The research is conducted through reading the Quasi-Experiment Design by comparing the effectiveness between *al-Amin's* Strategy (SPA) and Traditional teaching strategy (Strategi Pengajaran Tradisional /SPT) the deviation/changes in the achievement of akhlak understanding between the two groups are subjected to four mean components in learning and teaching, which are knowing Allah (*ma`rifatullah*), understanding knowledge (*tafakuh al-`ilm*), self improvement (*taghyir al-nafs*) and soul cleansing (*tazkiyah al-nafs*). The study involves 200 From three students samples on both gender, collectively taken from four different schools. The study uses quantitative and qualitative approaches. The quantitative approach involves 100 students as experimental group (SPA) and another 100 students are involved as controlled group (SPT). The quantitative approach involves 100 students in SPA while the latter involves another 100 in SPT. The data from the general achievement of the students and the tested components are then analyzed using three pronged MANOVA counting technique. The finding is that the general achievement of SPA is more significant than that of SPT because of the effectiveness of SPA [F dk(187) = 39.452. p<0.001]. It also shows that school variance gives a significant effectiveness of [F dk(3,187) = 60.008. p<0.001] while gender gives a significant effectiveness of [F dk(1,187) = 35.422. p<0.001]. There is a significant instruction in school variance [F dk(2,187) =5.413. p<0.001] and in the relation of school variance with gender [F dk(3,187) = 8.623. p<0.001]. An analysis of the achievement in the four components of akhlak-consciousness indicates that Experiment Group is more significant that Control Group [Wilks' Y dk(5,183) = 0.793. p<0.001]. There is also a significant effectiveness in school variance [Wilks' Y dk(15,505.584) =0.474. p<0.001] and in gender [Wilks' Y dk(5,183) = 0.73. p<0.001]. Besides, there is strategy instruction effectiveness in school variance [Wilks' Y dk (10,366) 0.920. p<0.001]. Specifically, there is strategy effectiveness in favour of SPA in *ma`rifatullah* [Fdk (1,198) = 120.288. p<0.001], *tafakuh al-`ilm* [F dk(1,198) = 121.670. p<0.001], *taghyir al-nafs* [Fdk(1,198) = 106.823. p<0.001] and *tazkiyah al-nafs* [F dk (1, 198) = 122.192. p<0.001]. It is obvious that SPA does contribute a positive effectiveness to the akhlak-consciousness of the students. Therefore, this research comes up with clear evidence that SPA is relevant to be applied in teaching and learning practice for the subject matter of akhlak or Islamic ethics in order to increase the level of the akhlak-consciousness of the students in classroom.



## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
Pengakuan	ii
Declaration	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	v
Abstract	vi
Senarai Kandungan	vii
Senarai Lampiran	xiii
Senarai Rajah	xiv
Senarai Jadual	xv
Singkatan	xviii

### **BAB 1      PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Hipotesis Kajian	12
1.7	Kepentingan Kajian	17
1.8	Batasan Kajian	18
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	19
1.10	Definisi Operasional Kajian	21

1.10.1	Strategi	22
1.10.2	Strategi Pengajaran Tradisional (SPT)	22
1.10.3	Strategi Pengajaran <i>al-Amin</i> (SPA)	23
1.10.4	Komponen Strategi	24
1.10.5	Kefahaman Akhlak	28
1.10.6	Sekolah Menengah Agama	29
1.10.7	Tingkatan Tiga	29
1.10.8	Wilayah	30
1.10.9	Jantina	30
1.10.10	Kumpulan Ekperimen	30
1.10.11	Kumpulan Kawalan	31
1.11	Kesimpulan	31

## **BAB 2      TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	32
2.2	Sejarah Pendidikan Islam di Selatan Thailand	32
2.3	Latar belakang Kurikulum Pendidikan Islam 2003	36
2.4	Kurikulum dan Falsafah Pendidikan Islam 2003	46
2.5	Pendidikan Akhlak Islam	55
2.6	Skop Akhlak dalam al-Quran	63
2.7	Konsep Akhlak menurut al-Ghazali	69
2.8	Model Personaliti dengan Akhlak <i>Mahmudah</i> dan <i>Mazmumah</i>	73
2.8.1	Hubungan <i>al-Nafs</i> dengan <i>Mahmudah</i> dan <i>Mazmumah</i>	74
2.8.2	Hubungan <i>al-Qalb</i> dengan <i>Mahmudah</i> dan <i>Mazmumah</i>	79

2.8.3	Hubungan <i>al-Hawa</i> dengan <i>Mahmudah</i> dan <i>Mazmumah</i>	83
2.8.4	Hubungan <i>al-Ba`ithah</i> dengan <i>Mahmudah</i> dan <i>Mazmumah</i>	86
2.9	Model dan Teori Strategi Pengajaran	88
2.10	Dapatan Kajian Mengenai Model Pengajaran Kefahaman	98
2.11	Pembinaan Strategi Pengajaran <i>al-Amin</i> (SPA)	100
2.11.1	Surah <i>Taha</i> sebagai ciri Strategi	102
2.11.2	Huraian Para Ulama' yang Muktabar	102
2.11.3	Ciri-ciri Pembelajaran dan Pengajaran Nabi Musa	107
2.11.4	Konsep Komponen Strategi	113
2.11.4.1	Komponen <i>Ma`rifatullah</i>	114
2.11.4.2	Komponen <i>Tafakuh al-`ilm</i>	118
2.11.4.3	Komponen <i>Taghyir al-nafs</i>	121
2.11.4.4	Komponen <i>Tazkiyah al-nafs</i>	122
2.11.5	Instruksi dalam Pembelajaran dan Pengajaran	127
2.11.6	Ubahsuai Model Dick & Carey (2009)	135
2.11.7	Pertimbangan Semasa Merancang SPA	137
2.11.8	Peringkat Strategi Pengajaran <i>al-Amin</i>	142
2.12	Kesimpulan	145

### **BAB 3      METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	146
3.2	Reka bentuk Kajian	147
3.3	Lokasi Kajian	148
3.4	Populasi dan Persampelan Kajian	150

3.5	Penentuan Sekolah Kajian	152
3.6	Rasional Pemilihan Sampel Tingkatan Tiga	153
3.7	Justifikasi Pembolehkan Kajian	154
3.8	Pengesahan Konsep Kajian	155
3.9	Instrumen Kajian	156
3.10	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen kajian	159
	3.10.1 Kebolehpercayaan Senario Kajian	160
	3.10.2 Kebolehpercayaan Item Kajian	162
	3.10.3 Ujian Rintis	164
	3.10.4 Kebolehpercayaan Kefahaman Akhlak	166
3.11	Prosedur Eksperimen	169
3.12	Tajuk-tajuk Isi Kandungan Pelajaran	173
3.13	Pemantauan Pengajaran	174
3.14	Prosedur Pengumpulan Data Eksperimen	174
3.15	Prosedur Penganalisan Data	175
3.16	Kesimpulan	178

## **BAB 4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	179
4.2	Kebolehpercayaan Alat Ukur	181
4.3	Perbandingan Pencapaian Ujian Pra dan Pasca	182
4.4	Kolerasi antara komponen-komponen dalam Ujian Pra	183
4.5	Kolerasi antara komponen-komponen strategi dalam Ujian Pasca	184
4.6	Pengujian Hipotesis Kajian	185

4.6.1	Hipotesis Ho 1 Keberkesanan Strategi terhadap Kefahaman Akhlak Pelajar	186
4.6.2	Hipotesis Ho 2 Keberkesanan Sekolah terhadap Kefahaman Akhlak Pelajar	190
4.6.3	Hipotesis Ho 3 Keberkesanan Jantina terhadap Kefahaman Akhlak Pelajar	194
4.6.4	Hipotesis Ho 4 Keberkesanan Interaksi Dua Hala Strategi dengan Sekolah terhadap Kefahaman Akhlak Pelajar	198
4.6.5	Hipotesis Ho 5 Keberkesanan Interaksi Dua Hala Strategi dengan Jantina terhadap Kefahaman Akhlak Pelajar	204
4.6.6	Hipotesis Ho 6 Keberkesanan Interaksi Dua Hala Sekolah dengan Jantina terhadap Kefahaman Akhlak Pelajar	204
4.6.7	Hipotesis Ho 7 Keberkesanan Interaksi Tiga Hala Strategi dengan Sekolah dengan Jantina terhadap Kefahaman Akhlak Pelajar	210
4.7	Ringkasan Keputusan Pengujian Hipotesis	210
4.8	Persoalan Kajian ke Lapan	213
4.9	Persoalan Kajian ke Sembilan	217
4.10	Kesimpulan	220

## **BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	222
5.2	Rumusan Kajian	222
5.3	Dapatan Kajian	224
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian	226
5.4.1	Perbezaan Keberkesanan antara SPA dan SPT	227
5.4.2	Keberkesanan Sekolah terhadap Kefahaman Akhlak	236

5.4.3	Keberkesanan Jantina terhadap Kefahaman Akhlak	238
5.4.4	Keberkesanan Interaksi Dua Hala antara Strategi dengan Sekolah terhadap Kefahaman Akhlak	241
5.4.5	Keberkesanan Interaksi Dua Hala antara Strategi dengan Jantina terhadap Kefahaman Akhlak	245
5.4.6.	Keberkesanan Interaksi Dua Hala antara Sekolah dengan Jantina terhadap Kefahaman Akhlak	247
5.4.7	Keberkesanan Interaksi Tiga Hala antara Strategi dengan Sekolah dengan Jantina terhadap Kefahaman Akhlak	250
5.5	Perbincangan Dapatan Kualitatif	251
5.5.1	Kekerapan Kefahaman Akhlak terhadap <i>Mahmudah</i> dan <i>Mazmumah</i> Fizikal dan Spiritual mengikut SPA	251
5.3.2	Reaksi guru terhadap Penggunaan pengajaran SPA	252
5.3.3	Reaksi pelajar terhadap Penggunaan pengajaran SPA	255
5.6	Implikasi Kajian	257
5.7	Cadangan kajian Lanjutan	266
5.8	Kesimpulan	268
	<b>Bibliografi</b>	269
	<b>Lampiran</b>	294

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	A	Peringkat-Peringkat SPA
Lampiran	B	Panduan Proses SPA
Lampiran	C	SPA dan Model Dick & Carey
Lampiran	D1	Rancangan Mengajar Harian SPT
Lampiran	D2	Aktiviti SPA
Lampiran	D3	Contoh Aktiviti LDK
Lampiran	D4	Rancangan Mengajar Harian SPA
Lampiran	E	Isi Kandungan Akhlak Tkn.3
Lampiran	F	Surat Kebenaran Penyelidikan
Lampiran	G	Data SPSS, Versi 15.0 General Linear Model
Lampiran	H	Pengesahan Pakar Model SPA
Lampiran	I	Borang Pengesahan Pakar Item Soalan
Lampiran	J	Alpa Cronbachs Ujian Pra dan Ujian Pasca
Lampiran	L	Soal Ujian Kajian
Lampiran	M	Reaksi Murid terhadap P&P menggunakan SPA
Lampiran	N	Borang Pemantauan Guru terhadap P&P menggunakan SPA

## SINGKATAN

Bd.	Buddhism
PPTTh	Perlembagaan Pendidikan Thailand
KPITh2003	Kurikulum Pendidikan Islam Thailand 2003
por.sor.	<i>Phutta-Sakarach</i> erti Tahun Buddhism
Ihya	<i>Ihya Ulum al- Din</i>
PASCA	Pusat Pengajian Siswazah
PMKDP II-Yala	Pusat Membina Kemajuan Daerah Pelajaran II-Yala
SAIST	Sekolah Agama Islam Selatan Thailand
a.s	<i>Alaihi Salam</i>
r.a	<i>Radiya Allah Anhu</i>
s.a.w	<i>Sallah Allah Alai Wa Sallam</i>
s.w.t	<i>Subhanah Wa Taa1a</i>
t.th	Tiada tarikh
KE	Kumpulan Eksperimen
KK	Kumpulan Kawalan
SPT	Strategi Pengajaran Tradisional
SPA	Strategi Pengajaran <i>al-Amin</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UM	Universiti Malaya



PNM

Perpustakaan Negara Malaysia

LDK

Latihan dalam Kumpulan

## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	19
Rajah 2.1	Susunan Konsep Kefahaman Akhlak Kajian	115
Rajah 2.2	Model Dick dan Carey (2009)	131
Rajah 2.3	Ubahsuai Reka bentuk Model Dick dan Carey dalam SPA	137
Rajah 3.1	Amalan Pelaksanaan SPA	149

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat	
2.1	Penjelasan Model Instruksi	129
3.1	Kajian kuasi Eksperimen	147
3.2	Strategi, Sekolah, Jantina dan Ujian	149
3.3	Populasi Pelajar dan Sampel Kajian	151
3.4	Pengesahan Pakar Terhadap Senario dan Item	161
3.5	Senario dan Item-Item Penyataan	162
3.6	Nilai Cronbach Alpha bagi item-item soal ujian	163
3.7	Item Komponen Strategi	165
3.8	Kekuatan Nilai Pekali Kolerasi	167
3.9	Nilai Korelasi <i>Test Retest</i>	169
3.10	Kajian Lapangan	172
3.11	Bahagian, Sub-bahagian dan Tajuk	174
4.1	Koefisien Kebolehpercayaan Alat Ukur Kajian melalui Ujian Rintis dan Ujian Pra	182
4.2	Min dan Sisihan Piawai Ujian Pra, Pasca Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan	183
4.3	Ujian Pra Matrik Kolerasi Bagi Pearson Alat Ukur Kefahaman akhlak	184
4.4	Ujian Pasca Matrik Kolerasi Bagi Alat Ukur Kefahaman akhlak	184
4.5	Ringkasan Keputusan Ujian Multivariate Terhadap Kefahaman akhlak keseluruhan	186

4.6	Ujian MANOVA menunjukkan Keberkesanan Strategi Terhadap Kefahaman akhlak bagi tiap-tiap komponen	187
4.7	Ujian F Univariat bagi menunjukkan Keberkesanan SPA dan SPT terhadap kefahaman akhlak komponen <i>ma`rifatullah, tafakuh al-`ilm, taghyir al-nafs</i> dan <i>tazkiyah al-nafs</i> .	187
4.8	Ujian MANOVA menunjukkan Keberkesanan Sekolah terhadap Pencapaian Kefahaman akhlak bagi Tiap-tiap komponen	190
4.9	Ujian F Univariat menunjukkan Keberkesanan Sekolah terhadap kefahaman akhlak komponen <i>ma`rifatullah, tafakuh al-`ilm, taghyir al-nafs</i> dan <i>tazkiyah al-nafs</i>	191
4.10	Perbandingan Piawai antara sekolah terhadap Kefahaman akhlak komponen <i>ma`rifatullah, tafakuh al-`ilm, taghyir al-nafs</i> dan <i>tazkiyah al-nafs</i>	193
4.11	Ujian MANOVA menunjukkan Keberkesanan Jantina terhadap Pencapaian Kefahaman akhlak bagi Tiap-tiap komponen	195
4.12	Ujian F Univariat menunjukkan Keberkesanan Jantina terhadap pencapaian kefahaman akhlak komponen <i>ma`rifatullah, tafakuh al-`ilm, taghyir al-nafs</i> dan <i>tazkiyah al-nafs</i>	196
4.13	Ujian MANOVA menunjukkan Keberkesanan Interaksi Dua Hala Strategi dengan Sekolah terhadap Kefahaman Akhlak Bagi Tiap-tiap komponen	199
4.14	Ujian F Univariat menunjukkan Keberkesanan Interaksi Dua Hala Strategi dengan Sekolah terhadap Kefahaman Akhlak Bagi komponen <i>ma`rifatullah, tafakuh al-`ilm, taghyir al-nafs</i> dan <i>tazkiyah al-nafs</i>	199
4.15	Perbandingan Piawai antara Strategi dengan Sekolah terhadap Pencapaian Kefahaman Akhlak Bagi komponen <i>taghyir al-nafs</i>	201
4.16	Perbandingan Piawai antara Strategi dengan Sekolah terhadap Pencapaian Kefahaman Akhlak Bagi komponen <i>tazkiyah al-nafs</i>	203
4.17	Ujian MANOVA menunjukkan Keberkesanan Interaksi Dua Hala Sekolah dan Jantina terhadap Kefahaman Akhlak Bagi Tiap-tiap komponen	205
4.18	Ujian F Univariat menunjukkan Keberkesanan Interaksi Dua Hala Sekolah dengan Jantina terhadap Kefahaman Akhlak Bagi komponen <i>ma`rifatullah, tafakuh al-`ilm, taghyir al-nafs</i> dan <i>tazkiyah al-nafs</i>	206
4.19	Perbandingan Piawai antara sekolah dengan jantina terhadap Kefahaman Akhlak Bagi komponen <i>taghyir al-nafs</i>	209
4.20	Keputusan Pengujian ANOVA perbezaan markah Keseluruhan	211

4.21	Keputusan Pengujian MANOVA perbezaan markah Keseluruhan	211
4.22	Keputusan Pengujian Univariate Perbezaan Markah Komponen	211
4.23	Skor Pelajar terhadap Kefahaman Akhlak mengikut strategi	213
4.24	Penyerapan dan Pemantauan Guru	218
4.25	Penggunaan pengajaran SPA	219

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pendidikan akhlak merupakan elemen yang sangat penting terutama dalam pembentukan diri manusia yang mulia. Justeru itu, pembentukan manusia yang berakhlak mulia telah dijadikan matlamat utama sistem pendidikan dalam Islam berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah. Peranan dan matlamat pendidikan akhlak ini secara jelas termaktub dalam kurikulum Pendidikan Islam Thailand 2003 iaitu “... *untuk pembentukan keperibadian setiap individu muslim yang beriman, berilmu, beramal soleh dan berakhlak mulia*” (KPITh 2003). Malah, Rasulullah s.a.w juga memberi fokus kepada aspek akhlak sebagaimana pernyataan Rasulullah s.a.w dalam sabdanya yang bermaksud,

*“Sesungguhnya aku telah diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”.*

*(Musnad Ahmad, Hadith Saidatina 'Aishah, j. 49, h. 229, 1980)*

Sehubungan itu, masalah pembentukan akhlak remaja di sekolah agama telah menjadi fenomena yang merunsingkan para pendidik, terutamanya guru-guru pendidikan Islam di selatan Thailand (Abdullateh, 2005). Muncul pelbagai masalah sosial dan akhlak yang cukup serius, disebabkan tindak tanduk manusia sendiri seperti kes pembunuhan, rompakan, teknologi moden dan canggih hanya membuka peluang untuk melakukan pelbagai kejahatan dan jenayah yang sedang tumbuh khususnya di kawasan selatan Thailand (Abuddin Nata, 2008). Jika ia tidak dibendung dengan pantas maka masa depan bangsa dan negara akan hancur. Dengan itu, pembinaan akhlak manusia yang sempurna memerlukan kepada pendidikan yang baik, efektif dan bersesuaian serta berlandaskan syariat Allah s.w.t. Oleh itu, masyarakat perlu menyediakan sesuatu sistem pendidikan yang sempurna bagi membentuk senerasi yang berakhlak mulia.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Akhlak melibatkan hubungan manusia dengan Allah s.w.t, hubungan manusia dengan dirinya dan hubungan manusia sesama manusia sehingga dapat menjamin kewujudan, kestabilan, keamanan, kesejahteraan dan kesatuan di dalam masyarakat tersebut. Keruntuhan nilai akhlak di dalam sesebuah masyarakat bukan sahaja menjadi ancaman kepada kesejahteraan mental individu dalam masyarakat (Mohd.Sulaiman, 1992), malah turut menjadi punca sebenar kepada kemusnahan kerana keruntuhan nilai akhlak akan melemahkan sesebuah masyarakat (Malek Bennabi, 1998). Sekaligus memberi suatu gambaran tentang gejala kemerosotan akhlak yang sedang dialami oleh umat Islam Selatan Thailand.

Antaranya ialah kes merogol seorang pelajar perempuan muslimah berumur 15 tahun, tingkatan dua sekolah Islam Suksa (Thairath, 2009). Isu keruntuhan akhlak ini telah menjadi bahan perbincangan yang hangat dalam kalangan masyarakat umat Islam di Selatan Thailand dan dibincangkan di semua peringkat masyarakat hingga dibawa ke Dewan Negeri dan Parlimen (Thairath, 2009). Pada tahun 2006, kajian yang telah dijalankan oleh Pratip Komunmart (2006) membuktikan berlakunya keruntuhan akhlak pelajar sekolah menengah di wilayah Nakonsitamarat (Selatan Thailand) yang dikaitkan dengan minum arak sebanyak 37.1 %, ponteng sekolah 26.7 %, menonton filem seks 25.5 %, pergaduhan 22.1 %, bersekedudukan 17.4 %, dan merokok sebanyak 15.4 %.

Pendidikan akhlak merupakan peranan penting dalam menyelesaikan masalah yang rumit, kerana faktor iman yang mendasari akhlak Islamiah dapat membentuk peribadi seseorang muslim (Hassan Langgulung, 2008). Untuk menegakkan akhlak yang betul, Allah s.w.t telah mengutus para nabi dan rasul-Nya bermula daripada Nabi Adam a.s hinggalah kepada Nabi Muhammad s.a.w berperanan sebagai doktor yang bertugas mengubati jiwa dan hati manusia serta membentuk akhlak yang mulia dari dalam jiwa dan hati manusia. Tujuannya ialah untuk membimbing kehidupan manusia di dunia ini ke jalan yang diredhai. Sehubungan itu, Allah s.w.t menjadikan Nabi Muhammad s.a.w sebagai model akhlak yang mulia. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Qalam ayat 4, yang bermaksud, “*Sesungguhnya engkau (Muhammad) memiliki akhlak yang mulia*” dan juga dalam surah *al-Ahzab* ayat 21, yang bermaksud, “*Sesungguhnya Rasulullah s.a.w itu menjadi contoh yang baik (utama) bagimu*” .

Ibnu Miskawayh (2006) menyatakan akhlak yang buruk merupakan racun yang amat berbahaya serta merupakan sumber kerosakan yang menjauhkan seorang daripada rahmat Tuhannya. Ia sekaligus merupakan penyakit jiwa dan hati manusia yang akan memusnahkan erti kehidupan yang sebenar. Sehubungan itu, al-Ghazali (2004) menamakan penyakit yang menyerang jiwa atau hati manusia seperti, akhlak yang buruk (*mazmumah*), keburukan jiwa (*khaba'ith*) dan tabiat yang membinasakan (*sifat Muhlikat*). Antara penyakit yang sangat berbahaya adalah seperti fitnah, riak, marah, hasad, dendam, bohong, cintakan dunia, gila kuasa, gila harta, bangga diri, sombong, mengumpat, hipokrit dan lain-lain akhlak yang hina.

Mengikut perspektif akhlak Islam, perbuatan itu terbahagi kepada dua kategori, iaitu perbuatan batiniah dan perbuatan lahiriah. 'Perbuatan batiniah' merujuk kepada jihad membersihkan jiwa (*tazkiyah al-nafs*) daripada pelbagai dorongan jahat nafsu (*al-hawa*) dan juga merujuk kepada proses pemupukan sifat-sifat yang baik dalam jiwa seseorang, lantaran keadaan jiwa yang baik akan memandu seseorang insan mencapai ketenangan dan kebahagiaan hidup. Manakala 'perbuatan lahiriah' juga terbahagi kepada dua bahagian. Pertama merujuk kepada ibadat khusus seseorang insan kepada Allah seperti solat, puasa, zakat dan haji, dan kedua ibadat umum iaitu semua jenis perhubungan manusia dengan alam, dan hubungan manusia sesama manusia dengan diri sendiri (Mohd.Nasir Omar, 2010).

Proses pembelajaran dan pengajaran memerlukan kepada inovasi dalam kurikulum pendidikan akhlak yang menekankan kepada ilmu pendidikan akhlak, latihan perguruan pendidikan Islam, strategi pembelajaran dan pengajaran pendidikan akhlak serta teknik penilaian yang lebih memberi fokus kepada perubahan minda dan penghayatan (Abuddin Nata, 2008). Oleh itu, satu strategi yang baru dipilih dalam kajian ini, dan ia selaras dengan